

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apa langkah yang telah dilakukan oleh Kerajaan setelah Malaysia dimasukkan oleh Amerika Syarikat dalam tier tiga atau peringkat terendah dalam kasus perdagangan manusia. Apakah sebab utama yang menyebabkan Malaysia terima penilaian ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan Amerika Syarikat melalui Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) mengeluarkan Laporan Tahunan mengenai Pemerdagangan Orang secara tahunan bagi menilai usaha dan inisiatif kerajaan dalam menangani pemerdagangan orang. Penilaian oleh JNAS dibuat terhadap 188 buah Negara termasuk Malaysia dan merangkumi aspek pencegahan, pendakwaan dan perlindungan. Penurunan kepada Tahap 3 (*Tier 3*) bagi penilaian tahun 2021 adalah secara automatik selepas negara menduduki Tahap 2 Pemerhatian (*Tier 2 Watchlist*) selama 3 tahun berturut-turut sejak tahun 2018 hingga 2020.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku peneraju Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) yang turut dianggotai 22 kementerian dan agensi sentiasa melaksanakan pelbagai bentuk tindakan bagi membanteras jenayah pemerdagangan orang selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670). Selain itu, MAPO juga sentiasa berkolaborasi dengan badan bukan kerajaan (NGO) dan juga pertubuhan antarabangsa bagi memastikan usaha membanteras jenayah ini dilaksanakan secara kolektif dan juga komprehensif.

Antara usaha dan hala tuju kerajaan bagi memperkasakan usaha membanteras pemerdagangan orang di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) **memuktamadkan cadangan pindaan kepada Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007** yang memberi fokus kepada aspek perlindungan mangsa pemerdagangan orang dan pencegahan dengan meningkatkan hukuman yang dikenakan. Dalam hal ini, Rang Undang-Undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2021 telah dibentangkan untuk bacaan kali yang pertama di Dewan Rakyat pada 27 Oktober 2021;

## SOALAN NO : 44

- (ii) **memberi penekanan kepada tindakan penguatkuasaan dan perundangan yang lebih tegas dalam isu-isu pemerdagangan buruh** yang dikatakan berlaku di sektor ekonomi sebagai contoh sarung tangan getah dan perladangan sawit;
- (iii) **memperkasakan usaha dalam aspek pencegahan dan perlindungan mangsa pemerdagangan orang** melalui kerjasama erat dengan NGO, pihak industri serta mempergiatkan tindakan bersepadu antara agensi;
- (iv) **meningkatkan kapasiti, sumber dan kemahiran** anggota penguatkuasa, pasukan pendakwaraya, pegawai pelindung serta entiti khusus di kementerian dan jabatan yang terlibat secara langsung dalam penggubalan dasar dan hal ehwal pengoperasian berkaitan pemerdagangan orang;
- (v) **menambah baik sistem dokumentasi dan pelaporan berkaitan warga asing serta pengurusan golongan berisiko** termasuk pekerja asing secara holistik bagi memastikan kebajikan dan hak pekerja terutama pekerja asing dapat dilindungi; dan
- (vi) **melaksanakan sepenuhnya Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang 2021-2025 (NAPTIP 3.0)** bersama pemegang taruh yang terlibat.